



**PERATURAN AM PERTANDINGAN
KARNIVAL SUKAN TM 2014
25 HINGGA 28 SEPTEMBER 2014**

Peraturan Am Pertandingan ini digunakan pada semua permainan yang dipertandingkan kecuali jika dinyatakan secara berlainan pada PERATURAN KHAS PERTANDINGAN.

1. NAMA KEJOHANAN

- 1.1. Kejohanan ini dinamakan '**KARNIVAL SUKAN TM 2014**'.

2. TARIKH KEJOHANAN

- 2.1. Kejohanan ini akan diadakan pada **25 September 2014** hingga **28 September 2014**.

3. PENGELOLA

- 3.1. Kejohanan ini dikelolakan oleh Kelab TM Malaysia bersama-sama dengan Kelab TM Kedah dan Perlis.
- 3.2. Bagi maksud pengelola, Kelab TM Malaysia bersama-sama dengan Kelab TM Kedah dan Perlis menubuhkan sebuah Jawatankuasa kerja yang bertanggungjawab membuat perancangan dan mengelolakan semua program dan aktiviti serta menubuhkan Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil dengan tugas-tugas khas yang bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Pengelola. Kelab TM Malaysia bersama-sama dengan Kelab TM Kedah dan Perlis juga adalah Urusetia Kejohanan ini dan bertanggungjawab mempastikan segala dasar dan keputusan Jawatankuasa dilaksanakan dengan kerjasama Jawatankuasa Pengelola serta Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil yang ditubuhkan.
- 3.3. Kelab TM Malaysia bersama-sama dengan Kelab TM Kedah dan Perlis akan melantik Majlis Sukan Negeri atau dan Badan Sukan Bertauliah untuk mengelolakan perlawanan bagi acara-acara yang dipertandingkan dengan dipersetujui bersama kedua-dua pihak menggunakan peraturan-peraturan dan undang-undang yang dengan dibaca bersama tatacara, peraturan-peraturan dan Undang-Undang Peraturan Khas Pertandingan.



4. SYARAT PENYERTAAN DAN KELAYAKAN PEMAIN

- 4.1. Terbuka kepada semua anggota Kumpulan Telekom Malaysia dan Anak-Anak Syarikat (TM) yang menjadi Ahli Kelab Negeri tersebut.
- 4.2. Penyertaan mestilah disertakan dengan senarai perjawatan.
- 4.3. Anggota TM yang lantikan tetap adalah layak untuk menyertainya.
- 4.4. Anggota TM yang lantikan kontrak sebelum **25 September 2013** adalah layak untuk menyertainya.
- 4.5. Hanya seorang pemain yang pernah mewakili negara dan negeri selepas 1 Januari 2011, dibenarkan bermain bagi setiap jenis sukan. Di antaranya ialah Sukan Olimpik, Sukan Asia, Sukan Komanwel, Sukan Sea, Kejohanan Antarabangsa yang diiktiraf oleh Majlis Olimpik Malaysia, SUKMA dan Kejohanan-kejohanan Kebangsaan yang diiktiraf oleh Majlis Sukan Negara Malaysia. Pemain veteran dikecualikan daripada syarat-syarat ini.
- 4.6. Lelaki Veteran bermaksud permain lelaki berumur 45 tahun dan keatas iaitu mereka yang dilahirkan pada atau sebelum 31 Disember 1969, manakala Wanita Veteran bermaksud pemain wanita berumur 40 tahun dan keatas iaitu mereka yang dilahirkan pada atau sebelum 31 Disember 1974.
- 4.7. Anggota 'Leasing' tidak dibenarkan untuk menyertai kejohanan ini.
- 4.8. Bagi anggota 'kontrak', syarat perkhidmatan kontrak anggota melebihi 1 tahun dan ke atas dari tarikh dilantik.
- 4.9. Setiap pemain dikehendaki mengemukakan kad pekerja masing-masing kepada Urusetia Pertandingan sebelum perlawanan dimulakan.

5. CORAK PERTANDINGAN

- 5.1. Kelab TM Malaysia bersama-sama Kelab TM Kedah dan Perlis melalui perundingan dengan Majlis Sukan Negeri atau dan Majlis Olimpik Malaysia akan menetapkan corak pertandingan bagi tiap-tiap jenis sukan yang akan dipertandingkan dalam KARNIVAL SUKAN TM 2014.
- 5.2. Corak pertandingan masih boleh diubahsuai untuk setiap jenis sukan berdasarkan kepada keadaan-keadaan tertentu dan ini adalah tertakluk



kepada kelulusan Kelab TM Malaysia bersama-sama Kelab TM Kedah dan Perlis melalui Jawatankuasa Teknikal **KARNIVAL SUKAN TM 2014**.

- 5.3. Semua jadual perlawanan bagi semua jenis sukan termasuk tarikh, masa dan tempat akan ditetapkan oleh Kelab TM Malaysia bersama-sama Kelab TM Kedah dan Perlis melalui Jawatankuasa Teknikal **KARNIVAL SUKAN TM 2014** dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri atau dan Majlis Olimpik Malaysia.
- 5.4. Kelab TM Malaysia bersama-sama Kelab TM kedah dan Perlis akan melantik Badan Sukan yang berkelayakan untuk menjalankan acara sukan dengan dibaca bersama serta mematuhi **Syarat-Syarat Peraturan Am KARNIVAL SUKAN TM** dan **Syarat-Syarat dan Peraturan-Peraturan Majlis Sukan Negeri dan atau Majlis Olimpik Malaysia atau dan Majlis/Badan/Persekutuan Sukan Dunia.**

6. TARIKH TUTUP PENYERTAAN

- 6.1. Tarikh tutup penyertaan ialah pada **16 OGOS 2014** dan semua borang penyertaan (**LAMPIRAN 1**) hendaklah dihantar kepada Urusetia di alamat berikut:

**SEKRETARIAT KARNIVAL SUKAN TM 2014
TINGKAT 5, KOMPLEKS TM
JALAN KOLAM AIR
05672 ALOR SETAR
KEDAH
U/P: MOHD SHAHFARI AHMAD**

Tel : 04-7202520 ; Fax : 04-7339090 ; H/P: 013-4889778

E-MAIL: shahfari@tm.com.my

7. PENGESAHAN DAN PERTUKARAN PEMAIN

- 7.1. Pengesahan dan pertukaran pemain hendaklah dibuat selewat-lewatnya semasa Mesyuarat Pengurus-Pengurus Pasukan pada **25 Ogos 2014**. Sebarang pertukaran pemain selepas itu tidak dibenarkan. Sebarang pertukaran pemain tertakluk kepada pengesahan pihak pengelola.



8. TAKLIMAT, UNDIAN DAN MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

- 8.1.** Taklimat perjalanan KARNIVAL SUKAN TM 2014, undian dan Mesyuarat Pengurus-Pengurus Pasukan akan diadakan pada **25 Ogos 2014 di lokasi yang akan diberitahu kelak.**

9. PENENTUAN JUARA KESELURUHAN KASTEL 2014

- 9.1.** Pemenang Juara Keseluruhan akan dikira mengikut jumlah mata yang diperolehi secara keseluruhan.

- 9.2.** Penentuan mata bagi Juara Keseluruhan akan dikira mengikut ketetapan berikut :-

9.2.1. Johan	=	Pingat Emas	7 mata
9.2.2. Naib Johan	=	Pingat Perak	5 mata
9.2.3. Tempat Ke-3	=	Pingat Gangsa	3 mata

- 9.3.** Bagi Negeri yang tidak mendapat pingat emas, pingat perak dan pingat gangsa dalam acara yang dipertandingkan akan diberi 1 mata bagi setiap acara yang disertai. Sekiranya jumlah mata masih sama maka pingat tertinggi akan diambil kira.

- 9.4.** Jika jumlah mata keseluruhan sama, penentuan Juara Keseluruhan akan ditentukan dengan jumlah pungutan Pingat Emas terbanyak dan seterusnya.

10. JENIS-JENIS SUKAN YANG DIPERTANDINGKAN

- 10.1.** Bersama-sama ini dinyatakan jenis-jenis sukan yang dipertanding pada temasya KASTEL seperti berikut:



BIL	JENIS SUKAN	PEMAIN	SIMPANAN	PENGURUS MERANGKAP JURULATIH PEMAIN	JUMLAH PENYERTAAN	FORMAT
1	Bola Sepak	9	2	1	12	<ul style="list-style-type: none"> 1. 7 pemain Lelaki (Terbuka) 2. 1 pemain Lelaki (Veteran) 3. 1 pemain Lelaki (Eksekutif) <p>(1 pemain Eksekutif dan 1 pemain Veteran wajib sentiasa berada dalam gelanggang)</p>
2	Bowling	4		1	5	<ul style="list-style-type: none"> 1. Perseorangan Lelaki (Terbuka) 2. Perseorangan Wanita (Terbuka) 3. Trio (Terbuka) – 2L dan 1 W <p>(Seorang dibenarkan bermain 2 Acara sahaja) kiraan point berdasarkan point kemenangan</p>
3	Dart	6		1	7	<ul style="list-style-type: none"> 1. Foursomes (1 Eks, 1 Veteran, 2 Lelaki Terbuka) 2. Beregu Campuran (1 Eksekutif Lelaki dan 1 Eksekutif Wanita) 3. Beregu Lelaki (Veteran) 4. Beregu Lelaki (Terbuka) 5. Beregu Campuran (Terbuka) <p>(Seorang dibenarkan bermain 2 Acara sahaja)</p>
4	Ping Pong	4		1	5	<ul style="list-style-type: none"> 1. Perseorangan Lelaki (Eksekutif) 2. Beregu Wanita (Terbuka) 3. Beregu Lelaki (1 Veteran + 1 Terbuka) <p>(Seorang dibenar bermain dua acara sahaja)</p>
5	Sepak Takraw	3	2	6	6	<ul style="list-style-type: none"> 1. 1 Lelaki (Terbuka) 2. 1 Lelaki (Veteran) 3. 1 Lelaki Eksekutif <p>(1 pemain Eksekutif dan 1 pemain Veteran wajib sentiasa berada dalam gelanggang)</p>



6	Badminton	6	2	1	9	1. Beregu Lelaki (Terbuka) 2. Beregu Lelaki (1 Veteran dan 1 Eksekutif) 3. Beregu Campuran (Terbuka) <i>(seorang hanya dibenarkan untuk bermain satu acara)</i>
7	Bola Tampar	6	2	1	9	1. 4 pemain Lelaki (Terbuka) 2. 1 pemain Lelaki (Eksekutif) 3. 1 pemain Lelaki (Veteran) <i>(1 pemain Eksekutif dan 1 pemain Veteran wajib sentiasa berada dalam gelanggang)</i>
8	Bola Jaring	7	2	1	10	1. 4 pemain Wanita (Terbuka) 2. 2 pemain Wanita (Veteran) 3. 1 pemain Wanita (Eksekutif) <i>(1 pemain Eksekutif dan 2 Veteran wajib sentiasa berada dalam gelanggang)</i>
9	Hoki	6	2	1	9	1. 4 pemain Lelaki (Terbuka) 2. 1 pemain Lelaki (Veteran) 3. 1 pemain Lelaki (Eksekutif) <i>(1 pemain Eksekutif dan 1 Veteran wajib sentiasa berada dalam padang)</i>
10	TM Power Race	4			4	1. Kayak (1 Lelaki Veteran & 1 Terbuka) 2. Larian (1 Lelaki Terbuka) 3. Berbasikal "Mountain bike" (1 Lelaki Terbuka)
Jumlah Keseluruhan Peserta Setiap Negeri					76	

Jumlah Peserta + Pegawai = $76 + 4 = 80$ ($80 \times 15 = 1200$)

Nota***

- 1 4 Pegawai adalah terdiri daripada Ketua Kontinjen dan 3 Pegawai (1 pegawai OSHE; 1 Pegawai Perubatan).
- 2 Pengurus merangkap Jurulatih adalah dibenarkan bermain.



11. PENANGGUHAN

- 11.1. Tarikh, masa dan tempat perlawanan yang telah ditetapkan sama sekali tidak boleh dipinda atau diubah oleh pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.
- 11.2. Jawatankuasa Pengelola adalah mempunyai kuasa untuk menangguh atau mengubah sesuatu perlawanan atas nasihat serta cadangan oleh Jawatankuasa Teknikal KARNIVAL SUKAN TM 2014 bersama-sama Majlis Sukan Negeri atau dan Majlis Olimpik Malaysia.

12. PERKARA AM

- 12.1. Jawatankuasa Pengelola berkuasa mengambil sesuatu keputusan kepada sebarang perkara yang berbangkit yang tidak tercatat dalam Peraturan Am.
- 12.2. Segala keputusan yang diambil oleh Jawatankuasa Pengelola adalah muktamad.
- 12.3. Jawatankuasa Pengelola juga mempunyai kuasa untuk memeriksa kelayakan peserta-peserta yang didaftarkan pada bila-bila masa. Sekiranya terdapat peserta yang tidak layak menyertai kejohanan ini, seperti yang tercatat di dalam Peraturan Am ini dan Peraturan Pertandingan tindakan berikut akan diambil :-
 - 12.3.1. Peserta berkenaan akan dibuat pembatalan serta merta dari acara sukan itu.
 - 12.3.2. Jika peserta itu mewakili pasukan, pasukan itu akan dibatalkan.
 - 12.3.3. Jika pasukan yang dibatalkan memenangi pingat, maka kemenangan tersebut akan dibatalkan.
- 12.4. Untuk tindakan selepas dari perkara 11.3.1 hingga 11.3.3., peserta atau pasukan atau negeri yang berada di tangga bawah akan secara automatik dinaik taraf ke tangga diatas seterusnya.

13. BANTAHAN JURI RAYUAN

- 13.1. Sebarang bantahan hendaklah dibuat secara bertulis SEBELUM PERMAINAN ATAU TIDAK LEWAT DARI 30 MINIT SELEPAS PENGADIL MENGUMUMKAN KEPUTUSAN. Bantahan ini hendaklah dikemukakan dengan menggunakan Borang Bantahan yang disediakan dan diserahkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Dan Pertandingan KARNIVAL SUKAN TM 2014 berserta



sekali wang tunai sebanyak RM1,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu sahaja). Wang ini cuma akan dikembalikan jika bantahan tersebut berjaya setelah ditolak 50% bayaran pengurusan.

- 13.2. Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan KARNIVAL SUKAN TM 2014 perlu menyerahkan borang dan wang tunai berkenaan untuk dirujuk kepada Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan yang dilantik oleh Pihak Pengelola Kejohanan ini. Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan sebagaimana berikut:

- 13.2.1. Timbalan Presiden Kelab TM Malaysia Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan
- 13.2.2. Pengerusi Biro Sukan Kelab TM Malaysia
- 13.2.3. Pengerusi Bersama KARNIVAL SUKAN TM
- 13.2.4. Ketua Pengadil Pertandingan yang dilantik
- 13.2.5. Ketua Sekretariat Penganjur
- 13.2.6. Seorang AJK Pertandingan dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan.

- 13.3. Pengerusi Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan memulakan persidangan pada waktu yang sama sebaik sahaja Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan KARNIVAL SUKAN TM 2014 menyerahkan borang bantahan dan wang tunai.
- 13.4. Keputusan Rayuan akan dibuat atau dimaklumkan dalam masa dua puluh empat jam (24 jam) selepas Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan bersidang.

- 14. Keputusan yang dibuat oleh Ketua Pengadil atau dan Jawatankuasa Pertandingan atau dan Bersama-sama Pengelola Kejohanan adalah mutamad.**

15. PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DIPERUNTUKKAN

- 15.1. Jawatankuasa Pertandingan berhak membuat sebarang keputusan yang difikirkan perlu dan wajar bagi menjayakan Karnival Sukan ini. Mana-mana perkara yang tidak dinyatakan disini atau pada Peraturan Khas Pertandingan atau pada Undang-undang Permainan, maka keputusan Jawatankuasa Pertandingan adalah muktamad.